



**LAPORAN TAHUNAN**  
2016

**UNIT PUSAT SETEMPAT**

# ISI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b><u>PENGENALAN :</u></b>	
	1.1 Matlamat	1 - 2
	1.2 Objektif	
	1.3 Fungsi dan Peranan	
<b>2.0</b>	<b><u>CARTA ORGANISASI UNIT PUSAT SETEMPAT.</u></b>	<b>3</b>
<b>3.0</b>	<b><u>AHLI JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT.</u></b>	<b>4</b>
<b>4.0</b>	<b><u>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT.</u></b>	<b>5</b>
<b>5.0</b>	<b><u>PENCAPAIAN PEMANTAUAN KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN :</u></b>	
	5.1 Statistik Jumlah Permohonan.	
	5.2 Jumlah Permohonan Mengikut Jenis Permohonan.	
	5.3 Analisa Permohonan Pelan Pembangunan.	5 - 9
	5.4 Jumlah Permohonan Yang Telah Diberi Keputusan Lulus, Tolak dan Tangguh.	
<b>6.0</b>	<b><u>ANGGARAN KASAR NILAI PEMBANGUNAN (GDV) &amp; ANGGARAN KASAR KOS PEMBANGUNAN (GDC) BAGI PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN DI PETALING JAYA.</u></b>	<b>10</b>
<b>7.0</b>	<b><u>MODEL BARU OSC 3.0 &amp; PEMANTAPAN OSC ONLINE :</u></b>	
	7.1 Pelaksanaan Model Baru OSC 3.0	11 - 13
	7.2 Pemantapan Pelaksanaan OSC Online.	
<b>8.0</b>	<b><u>PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH OSC :</u></b>	
	8.1 Bengkel <i>OSC Online</i> Agensi Teknikal Majlis Bandaraya Petaling Jaya Dan Taklimat Berkenaan Pindaan Hakmilik Strata 2013 (Akta A1450) Dan Pengeluaran Hakmilik Strata Serentak Dengan Penyerahan Milikan Kosong.	14 - 15
	8.2 Klinik <i>OSC Online</i> Untuk Permohonan Mendirikan Menara Dan Struktur Telekomunikasi (Telco) Bersama Pihak Perunding.	
<b>9.0</b>	<b><u>CABARAN DAN PROSPEK TAHUN 2017.</u></b>	<b>15</b>
<b>10.0</b>	<b><u>PENGHARGAAN.</u></b>	<b>16</b>

## **1.0 PENGENALAN**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Pusat Setempat (OSC) di PBT adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007. Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah ditubuhkan pada 12 Jun 2007.

Dengan penubuhan Unit Pusat Setempat ini, norma masa memproses permohonan dapat dipendekkan. Selain itu, kes-kes pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan kebenaran merancang, permohonan pelan bangunan, permohonan pelan kejuruteraan, permohonan pelan landskap serta permohonan untuk mendapatkan kelulusan pembangunan tanah dapat dielakkan.

### **VISI**

**“MBPJ PENERAJU GERBANG PEMBANGUNAN”**

### **MISI**

**“MESRA, EFISIEN DAN BERINTEGRITI”**

## **1.1 MATLAMAT**

Matlamat Pusat Setempat ini adalah untuk mengurangkan kerenah birokrasi di dalam prosedur dan proses cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

## **1.2 OBJEKTIF**

- i. Menyelaras dan memudahcara proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan dan pelan-pelan lain berkaitan cadangan pemajuan;
- ii. Memendekkan norma masa dan mempercepatkan proses permohonan cadangan pemajuan di dalam tempoh piagam yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu;
  - a. 57 hari bagi permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Landskap, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan dan Pelan Lampu Jalan.
  - b. 37 hari bagi permohonan Pelan Bangunan.
  - c. 69 hari bagi permohonan Permit Sementara dan Permit Pembinaan Kecil.


- iii. Menyeragamkan prosedur dan proses cadangan pemajuan dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

### **1.3 FUNGSI DAN PERANAN**

- i. Menerima dan menyemak permohonan pelan pemajuan secara serentak dan berasingan.
- ii. Mengedar permohonan cadangan pemajuan kepada Jabatan Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran melalui sistem *OSC Online* untuk diproses seterusnya memberikan ulasan/sokongan terhadap permohonan.
- iii. Memantau bagi memastikan Jabatan - Jabatan Teknikal terlibat mengemukakan ulasan/sokongan bagi setiap permohonan yang diedarkan.
- iv. Memastikan semua permohonan yang dikemukakan di Pusat Setempat (OSC) dibentangkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat berdasarkan tempoh piagam yang telah ditetapkan.
- v. Menjadi urusetia mesyuarat dan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat diadakan dua (2) kali sebulan.
- vi. Menyelaras dan mengedarkan Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat kepada ahli jawatankuasa tetap.
- vii. Memaklumkan kepada perunding, pemaju, pemilik tanah serta jabatan dan agensi teknikal yang terlibat berkaitan keputusan mesyuarat bagi setiap permohonan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.

## 2.0 CARTA ORGANISASI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

### CARTA ORGANISASI UNIT PUSAT SETEMPAT MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



### 3.0 AHLI JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

1. **Pengerusi** : Y.Bhg. Datuk Bandar
2. **Timbalan Pengerusi** : Timbalan Datuk Bandar
3. Empat (4) orang Ahli Majlis
4. **Setiausaha** : Pengarah Unit Pusat Setempat
5. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD)
6. Pengarah Pejabat Daerah / Tanah Petaling (PTD)
7. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS)
8. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Selangor (JMG).
9. Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling (JKR)
10. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)
11. Pengarah Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM)
12. Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
13. Pengarah Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)
14. Pengarah Indah Water Konsortium Berhad (IWK)
15. Pengarah Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (BOMBA)
16. Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB)
17. Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ.
18. Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ
19. Pengarah Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar MBPJ
20. Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPJ
21. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Dan Persekitaran MBPJ
22. Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBPJ
23. Pengarah Unit Perundangan MBPJ
24. Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
25. Pengarah Unit Persuruhjaya Bangunan (COB)

#### 4.0 MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

Dalam tahun 2016, Jawatankuasa Pusat Setempat telah bersidang sebanyak 24 kali sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu 2 kali sebulan (24 kali setahun). Mesyuarat diadakan melebihi sasaran 2 kali sebulan bagi menyelesaikan permohonan yang melebihi sasaran bagi bulan - bulan berkenaan iaitu Mac, Mei dan Ogos serta bagi membincangkan permohonan bagi tahun 2015 yang masih berkeputusan tangguh.


Unit Pusat Setempat juga telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.8 Tahun 2016 di luar Majlis yang bertempat di Ballroom 1, Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan, pada 29 April 2016.



#### 5.0 PENCAPAIAN PEMANTAUAN KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN.

##### 5.1 STATISTIK JUMLAH PERMOHONAN.

Merujuk kepada rajah 1, jumlah permohonan bagi tahun 2016 mengalami penurunan yang mendadak iaitu sebanyak 345 permohonan jika dibandingkan dengan jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2010 iaitu sebanyak 1089 permohonan. Faktor penurunan jumlah permohonan ini adalah mungkin disebabkan oleh negara berdepan dengan cabaran ekonomi yang kurang memberangsangkan.



Rajah 1: Statistik Jumlah Permohonan Yang Diterima Dari Tahun 2010 Hingga Tahun 2016.


## 5.2 JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT JENIS.

Sebanyak 345 permohonan meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan, Pelan Landskap, permohonan mendirikan Menara dan Struktur Telekomunikasi (TELCO) dan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) telah diterima oleh Unit Pusat Setempat dari 1 Januari 2016 Hingga 23 November 2016.

JENIS PERMOHONAN	KEBENARAN MERANCANG	PELAN KEJURUTERAAN	PELAN BANGUNAN	PELAN LANDSKAP	PERMIT TELCO	CCC
BIL	74	136	32	34	22	47
JUMLAH	345					

Jadual 1 : Jumlah permohonan bagi setiap jenis permohonan

### STATISTIK JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2016



Rajah 2



Jadual 2 : Cara Pengemukaan Permohonan Dari 1 Januari 2016 Hingga 23 November 2016

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan												Jumlah Kecil
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
<b>Permohonan Secara Berasingan</b>													
i. Kebenaran Merancang (KM)	7	1	2	9	9	6	2	9	8	3	4	-	60
ii. Pelan Landskap (PL)	3	4	2	1	1	3	-	3	2	1	-	-	20
iii. Pelan Kerja Tanah (KT)	4	3	3	5	12	5	6	2	4	3	2	-	49
iv. Pelan Jalan dan Perparitan (J&P)	3	6	2	9	9	2	3	8	8	9	6	-	65
v. Pelan Lampu Jalan (LJ)	-	1	1	1	2	2	-	2	-	1	1	-	11
vi. Pelan Lampu Isyarat (LI)	-	-	-	2	-	1	-	1	-	-	-	-	4
vii. Pelan Bangunan (PB)	7	2	1	2	4	1	3	1	1	4	5	-	31
viii. Pelan Telco (T)	2	1	2	3	2	3	5	-	2	-	2	-	22
ix. Sijil Perakuan Siap & Pematuhan (CCC)	3	-	9	7	5	8	2	1	2	5	5	-	47
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>29</b>	<b>18</b>	<b>22</b>	<b>39</b>	<b>44</b>	<b>31</b>	<b>21</b>	<b>27</b>	<b>27</b>	<b>26</b>	<b>25</b>		<b>309</b>
<b>Permohonan Secara Serentak</b>													
i. Kebenaran Merancang + Pelan Lanskap (*KM+PL) Perihal Tanah (Pecah Sempadan & Ubah Syarat)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
ii. Kebenaran Merancang + Pelan Landskap (*KM+PL) Perihal Tanah (Penyerahan Balik & Pemberimilikan Semula)	-	-	1	-	-	-	-	1	-	-	-	-	4
iii. Kebenaran Merancang + Pelan Landskap (*KM+PL)**	1	1	3	1	2	2	-	1	1	-	-	-	24
iv. Pelan Kerja Tanah + Pelan & Perparitan (*KT+J&P)	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	1	-	6
v. Pelan Kerja Tanah + Pelan Bangunan (*KT + PB)	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
<b>Jumlah Kecil (Bilangan Permohonan Secara Serentak x 2)</b>													<b>36</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>													<b>345</b>

### 5.3 ANALISA PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN.


Daripada 345 permohonan yang diterima, hanya terdapat 298 permohonan pelan pembangunan seperti permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan, Pelan Landskap dan Pelan Telco. Manakala 47 permohonan lagi merupakan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) seperti yang dapat dilihat pada jadual 1.

Merujuk kepada jadual 3 dibawah, jumlah permohonan yang telah diselesaikan didalam tempoh piagam adalah sebanyak 272 permohonan iaitu bersamaan dengan 97.49%. Di antara faktor kepada peningkatan ini adalah, pada 15 Ogos 2015 Unit Pusat Setempat telah melaksanakan Model baru OSC 3.0 dan tempoh piagam bagi memproses permohonan telah di pendekkan.

JUMLAH PERMOHONAN	BIL. MOHON	PERMOHONAN DALAM PROSES	PERMOHONAN SELESAI (a) = (b) + (c)	SELESAI DALAM PIAGAM (b)	SELESAI MELEBIHI PIAGAM (c)
Permohonan Serentak	8	4 (50.00%)	4 (50.00%)	4 (100.00%)	0 (0.00%)
Kebenaran Merancang	106	2 (1.89%)	104 (98.11%)	102 (98.08%)	2 (1.92%)
Pelan Kejuruteraan	132	6 (4.55%)	126 (95.45%)	123 (97.62%)	3 (2.38%)
Pelan Bangunan	52	4 (7.69%)	48 (92.31%)	46 (95.83%)	2 (4.55%)
<b>JUMLAH</b>	<b>298</b>	<b>16 (5.37%)</b>	<b>282 (94.63%)</b>	<b>275 (97.52%)</b>	<b>7 (2.51%)</b>

Jadual 3 : Bilangan permohonan selesai dan tempoh piagam.

#### STATISTIK JUMLAH PENCAPAIAN PERMOHONAN SELESAI DALAM PIAGAM



Rajah 3 : Statistik pencapaian permohonan yang diselesaikan didalam tempoh piagam

BIL	STATUS PERMOHONAN	TELAH DIBERI KEPUTUSAN		DALAM PROSES	PERMOHONAN SELESAI	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA OLEH OSC
		PATUH PIAGAM	TIDAK PATUH PIAGAM			
1	<b>JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN</b> • Permohonan Kebenaran Merancang	71	1	2	72	74
2	<b>JABATAN KEJURUTERAAN</b>					
	Pelan Kerja Tanah	48	2	3	50	53
	Pelan Jalan & Perparitan	61	1	6	62	68
	Pelan Lampu Jalan	11	-	-	11	11
	Pelan Lampu Isyarat	4	-	-	4	4
3	<b>JABATAN KAWALAN BANGUNAN</b>					
	Pelan Bangunan	27	2	3	29	32
	Pelan Telco	20	-	2	20	22
4	<b>JABATAN LANDSKAP &amp; KEHIJAUAN BANDAR (57 HARI)</b> • Pelan Landskap	33	1	-	34	34
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>275</b>	<b>7</b>	<b>16</b>	<b>282</b>	<b>298</b>


Jadual 3: Jadual terperinci Bilangan permohonan selesai dan tempoh piagam.

#### 5.4 JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DIBERI KEPUTUSAN LULUS, TOLAK DAN TANGUH.

Daripada 298 permohonan yang telah diterima pada 1 Januari 2016 sehingga 23 November 2016, terdapat sebanyak 279 permohonan telah diberikan keputusan.


Keputusan Jawatankuasa OSC			Dalam Proses	
Lulus	Tolak	Tangguh	Tidak Lewat	Telah Lewat
269	13	-	16	-
90%	4%	-	5%	-
<b>282 (95%)</b>			<b>16 (5%)</b>	

Jadual 4 : Bilangan Permohonan Pelan Pembangunan Yang Telah Diberikan Keputusan




Rajah 4 : Pecahan Peratusan Status Permohonan Pelan Pembangunan.

**6.0 ANGGARAN KASAR NILAI PEMBANGUNAN (*GROSS DEVELOPMENT VALUE – GDV*) DAN ANGGARAN KASAR NILAI KOS PEMBANGUNAN (*GROSS DEVELOPMENT COST – GDC*) BAGI PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN DI PETALING JAYA.**



Rajah 5 : Menunjukkan perbandingan jumlah 'Gross Development Value' (GDV)



Rajah 6 : Menunjukkan perbandingan jumlah 'Gross Development Cost' (GDC)

## 7.0 MODEL BARU OSC 3.0 DAN PEMANTAPAN OSC ONLINE.

### 7.1 PELAKSANAAN MODEL BARU OSC 3.0

Pada 15 Ogos 2015, Unit Pusat Setempat telah melaksanakan urusan pengeluaran permit pembinaan melalui Model Baru OSC 3.0, ini adalah selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SPBT): Bil 1/2015. Matlamat pelaksanaan Model Baru OSC 3.0 ini adalah dalam memberi penumpuan terhadap pengurangan prosedur, masa dan kos bagi pengeluaran permit - permit pembinaan. Di dalam Model Baru OSC 3.0 ini terdapat 6 proses / peringkat yang merangkumi dari peringkat permulaan hingga akhir pembinaan seperti yang dapat dilihat pada rajah 6 di bawah.



Rajah 7 : Proses atau peringkat permohonan

Melalui Model Baru OSC 3.0 ini, proses 1 iaitu proses Pra-Semakan telah diwajibkan ke atas semua jenis permohonan permit pembinaan. Pemohon juga diwajibkan untuk membuat pra-semakan dan mendapatkan surat perakuan daripada agensi teknikal luaran seperti IWK, TNB, Pejabat Tanah dan Daerah dan sebagainya sebelum mengemukakan permohonan di Unit Pusat Setempat. Perkara ini adalah berbeza dengan amalan sebelumnya dimana proses Pra-Semakan

ini hanya diwajibkan kepada permohonan tertentu sahaja seperti permohonan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Landskap, Pelan Lampu Jalan dan Pelan Bangunan sahaja dan ianya juga tidak melibatkan agensi teknikal luaran yang lain.

Di samping itu juga, Pada 15 Februari 2016 Unit Pusat Setempat juga telah menyelaraskan tempoh piagam bagi memproses permohonan iaitu daripada 90 hari kepada tempoh yang telah ditetapkan oleh JKT (Jabatan Kerajaan Tempatan) seperti jadual berikut;

BIL.	JENIS PERMOHONAN	TEMPOH PIAGAM MEMPROSES
1.	Permohonan Kebenaran Merancang	57 Hari
2.	Permohonan Landskap	
3.	Permohonan Pelan Kerja Tanah	
4.	Permohonan Pelan Jalan dan Perparitan	
5.	Permohonan Pelan Lampu Jalan & Lampu Isyarat	
6.	Permohonan pelan Bangunan	37 Hari
7.	Permohonan Mendirikan Menara dan Struktur Telekomunikasi	69 Hari

Jadual 5: Tempoh piagam memproses permohonan permit pembinaan.

Merujuk kepada jadual 2 dan rajah 4, Pelaksanaan Model Baru OSC 3.0 dan penyelarasan tempoh piagam memproses permohonan ini telah berjaya memendekkan masa yang diperlukan untuk memproses permohonan permit pembinaan. Perkara ini dibuktikan apabila nilai peratusan permohonan yang dapat diselesaikan didalam tempoh piagam meningkat daripada tahun - tahun sebelumnya.

## 7.2 PEMANTAPAN PELAKSANAAN OSC ONLINE.

Pelaksanaan *OSC Online* pada sebelum ini hanyalah diperingkat pemberian ulasan teknikal sahaja oleh Agensi Teknikal Dalaman (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL). Pelaksanaan *full cycle OSC Online* adalah sehingga ke peringkat surat pemakluman keputusan mesyuarat dikemukakan kepada PSP/SP secara *online*. Bagi mencapai pelaksanaan *full cycle* sistem *OSC Online* ini, Unit Pusat Setempat telah mengenalpasti isu dan masalah yang di hadapi oleh Agensi Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran dalam melaksanakan sistem ini dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang dengan mengadakan pelbagai program dan penyediaan keperluan ICT sebagai insentif kepada Agensi Teknikal

Dalam dan Agensi Teknikal Luaran untuk melaksanakan ulasan teknikal secara *online*. Di antara program dan insentif yang diadakan adalah seperti jadual di bawah.

Bil.	Isu Masalah	Tindakan Penambahbaikan Jangka Pendek		Tindakan Penambahbaikan Jangka Panjang	
		ATL	ATD	ATL	ATD
1.	Capaian internet lemah	Memberi pinjaman <i>broadband</i> kepada <b>Indah Water Konsortium (IWK)</b> untuk tempoh 5 bulan.	Unit Teknologi Maklumat dalam proses menaiktaraf capaian internet.	-	-
2.	Pertukaran kakitangan bertanggungjawab sebagai <i>check point</i>	Melaksanakan sesi <i>teach-in</i> dari masa ke semasa atau mengikut keperluan agensi		-	-
3.	Keperluan untuk memuat naik pelan yang telah diulas dan surat ulasan.	-	-	Memaklumkan kepada JKT untuk cadangan penambahbaikan sistem.	
4.	Kekurangan peralatan ICT	Memberi pinjaman komputer kepada <b>Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)</b> untuk tempoh 5 bulan.	Mensyaratkan PSP menyediakan Pelan Konsep Strata saiz A2 untuk <b>COB</b>	-	Cadangan pembelian atau sewaan peralatan ICT dalam bajet 2017 oleh Unit Teknologi Maklumat iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Plotter</li> <li>• Interactive flat-panel displays</li> </ul>
5.	Agensi mempunyai sistem <i>online</i> sendiri yang menyukarkan komitmen untuk melaksanakan <i>OSC Online</i>	Mengemukakan surat kepada <b>SYABAS</b> supaya menggunakan <i>OSC Online</i> .	-	-	-
6.	Tidak dapat memberi ulasan dalam tempoh masa 7 hari .	Lanjutan tempoh adalah tidak melebihi 14 hari dari tarikh edaran <i>online</i> .		-	-

## 8.0 PROGRAM YANG DI JALAN OLEH UNIT PUSAT SETEMPAT.

### 8.1 BENGKEL *OSC ONLINE* AGENSI TEKNIKAL MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DAN TAKLIMAT BERKENAAN PINDAAN HAKMILIK STRATA 2013 (AKTA A1450) DAN PENGELUARAN HAKMILIK STRATA SERENTAK DENGAN PENYERAHAN MILIKAN KOSONG.

#### 8.1.1 BENGKEL *OSC ONLINE* AGENSI TEKNIKAL MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Bengkel *OSC Online* Agensi Teknikal MBPJ telah diadakan pada 28 April 2016 bertempat di Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini adalah merupakan satu bengkel perbincangan bersama Jabatan – Jabatan Teknikal Dalaman Majlis dan juga Agensi Teknikal Luaran yang terlibat secara langsung di dalam proses memberi ulasan teknikal, penyediaan kertas perakuan, minit mesyuarat dan surat pemakluman untuk kelulusan pelan pembangunan. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membuat rumusan dan menyelesaikan isu-isu permasalahan yang dihadapi oleh setiap agensi teknikal dalam memberi ulasan *online*, penambahbaikan pelaksanaan *OSC Online* dan Berkongsi kejayaan dan pengalaman Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dalam menjayakan sepenuhnya *OSC Online* dan ‘way forward’ pelaksanaan *OSC Online* oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



#### 8.1.2 TAKLIMAT BERKENAAN PINDAAN HAKMILIK STRATA 2013 (AKTA A1450) DAN PENGELUARAN HAKMILIK STRATA SERENTAK DENGAN PENYERAHAN MILIKAN KOSONG.

Pembentangan Pindaan Hakmilik Strata 2013 ini telah disampaikan oleh Tuan Sr. Chan Keat Lim, Pengarah Ukur daripada Seksyen Perundangan Kadester, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Objektif taklimat ini adalah perkongsian pengetahuan mengenai Pindaan Akta Hakmilik Strata 2013 (Akta A1450).





## 8.2 KLINIK *OSC ONLINE* UNTUK PERMOHONAN MENDIRIKAN MENARA DAN STRUKTUR TELEKOMUNIKASI (TELCO) BERSAMA PIHAK PERUNDING.

Majlis melalui Unit Pusat Setempat telah melaksanakan pengemukaan permohonan mendirikan Menara dan Struktur Telekomunikasi (TELCO) melalui sistem *OSC Online* bermula 15 November 2016. Pada 3 dan 7 November 2016 Unit Pusat Setempat telah mengadakan Klinik *OSC Online* bagi permohonan TELCO kepada pihak perunding bertempat di Pusat laluan *Cyber*, Perpustakaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Seramai 35 orang wakil perunding yang hadir ke Klinik *OSC Online* ini. Objektif pelaksanaan klinik ini adalah bagi memberi pendedahan awal dan tunjuk ajar kepada wakil perunding bagi mengemukakan permohonan TELCO secara *online*.



## 9.0 CABARAN DAN PROSPEK TAHUN 2017

Kepesatan pembangunan sesuatu kawasan telah memberikan impak yang positif dan negatif kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan kawasan ditadbir. Sebahagian tugas Unit OSC ialah menerima, menyemak dokumen dan memantau permohonan pelan-pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis oleh pihak perunding yang dilantik oleh pemilik atau pemaju projek.

Cabaran pada tahun 2017 yang akan dihadapi oleh Unit Pusat Setempat (OSC) antaranya adalah:

- a) Pemantapan pelaksanaan sistem *OSC Online* bagi pengemukaan ulasan teknikal menerusi sistem *OSC Online* oleh semua agensi teknikal dalaman dan luaran supaya mencapai 100% ulasan secara *online*.
- b) Pemantauan permohonan-permohonan serentak bermula dari penerimaan di kaunter Unit Pusat Setempat (OSC), penyediaan agenda Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dan pembentangan permohonan secara serentak oleh agensi teknikal dalaman.
- c) Menjalankan Klinik OSC 3.0 secara berterusan di dalam memberi penerangan yang jelas mengenai penggunaan dan maklum balas pengguna berhubung pelaksanaan Model Baru OSC 3.0.

## **10.0 PENGHARGAAN**

Ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Unit Pusat Setempat (OSC) yang telah memberikan kerjasama didalam mendapatkan maklumat dan pandangan bagi penyediaan Laporan Tahunan Unit Pusat Setempat (OSC) 2015.

Sekian, terima kasih.

Unit Pusat Setempat (OSC)  
22 November 2016